

16 SEP 2002

PELABURAN DI NS MENURUN 50 PERATUS

SEREMBAN, 16 Sept (Bernama) -- Jumlah pelaburan yang dicatatkan di negeri ini hingga Jun tahun lepas menurun sebanyak 50 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas, kata Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad.

Beliau berkata sehingga Jun tahun ini, sebanyak RM85.8 juta dicatatkan berbanding RM170 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas.

"Usaha menarik semula pelabur baru dan lama harus dilakukan dengan kerjasama tuan-tuan tanah perindustrian," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Bertindak Pelaburan Perindustrian negeri di sini, hari ini.

Justeru itu Menteri Besar menggesa tuan tanah perindustrian supaya sentiasa berusaha menarik lebih ramai pelabur baru dan terus menjalin hubungan bersama pelabur asing memandangkan tahun ini jumlah pelaburan dari luar kurang menggalakkan.

Sementara itu ditanya mengenai langkah parti-parti pembangkang yang dijangka membentangkan belanjawan yang dinamakan sebagai "Belanjawan Alternatif 2003", Mohamed Isa berkata, tindakan itu hanyalah sebagai gimik politik untuk mendapatkan sokongan rakyat.

Beliau turut menyifatkan tindakan parti pembangkang itu sebagai tidak bertanggungjawab dan cuba memperkecilkan Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat, Jumaat ini.

-- BERNAMA

APG PR